

26/02/2003

Dunia ketiga perlu jadi kuasa sepakat

NEGARA membangun dan dunia ketiga perlu muncul sebagai satu kuasa yang sepakat jika mereka mahu menjadi kumpulan berpengaruh di peringkat antarabangsa.

Kebanyakan pemimpin NAM juga berpendapat, penguasaan ekonomi global perlu ditingkatkan kerana NAM selaku badan antarabangsa kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kini hanya menguasai 16 peratus daripada pasaran ekonomi dunia.

Menteri Luar Bhutan, Lyonpo Jigme Y Thinley, berkata sidang kemuncak NAM kali ini tidak harus menumpukan perhatian kepada mencegah peperangan saja tetapi perlu mengisytiharkan `perang' baru terhadap kemiskinan, kebuluran dan penindasan sejagat.

"Tiada negara di dunia wajar merana akibat kemiskinan, kebuluran atau penindasan di alaf baru ini kerana perkembangan teknologi serta sains wajar dimanfaatkan oleh negara maju untuk membantu mereka yang tidak bernasib baik bagi mengimbangi pengagihan kekayaan sejagat secara saksama.

"Saya umpamakan usaha menghapuskan masalah sosial ini sebagai `perang' kerana kemiskinan, kebuluran dan penindasan boleh membunuh manusia atau meningkatkan kemarahan mereka sehingga keganasan menjadi jalan keluar," katanya.

Thinley menaruh harapan tinggi terhadap NAM bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tiga tahun akan datang bagi memantapkan lagi struktur pergerakan itu sebagaimana dilakukan bagi membangunkan Malaysia.

Menteri Luar dan Kerjasama Antarabangsa Libya, Abdurrahman Mohamed Shalghem, berkata hala tuju NAM secara keseluruhan perlu dinilai semula kerana dunia sudah banyak berubah sejak sidang NAM di Bandung pada 1955.